

mega



Boer baka terbaik

USAHA Koperasi Pembangunan Desa (KPD) Sabah mengusahakan projek ternakan kambing Boer di Pusat Pembiakbakaan Kambing Boer Kabang, Papar bersama MARDI dan UPM memberi harapan baru kepada penjaan ekonomi menerusi aktiviti penternakan.



sistem terbaik biak baka Boer

Pakar pelbagai agensi pulih projek KPD di Sabah

**Rencana dan gambar ASHRIQ
FAHMY AHMAD**

ashriq.ahmad@utusan.com.my

BIARPUN pada asasnya ternakan kambing dilihat mudah, pengusaha berdepan dengan cabaran jika mereka tidak arif. Akibatnya peratus menghadapi kegagalan adalah tinggi.

Fenomena itu berlaku di Pusat Pemiabkakaan Kambing Boer, Koperasi Pembangunan Desa (KPD), Kabang, Papar, Sabah sebelum ini apabila projek ternakan kambing tidak menjadi.

Ternakan kambing baka Boer yang diusahakan oleh KPD sebelum itu mengalami kadar kematian yang tinggi iaitu sekitar 30 peratus dan kadar pembiakan juga agak kurang.

Menyedari keadaan ternakan yang semakin teruk, KPD mengorak langkah bekerjasama dengan pakar dari Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) bagi memulihkan projek tersebut.

Menurut Ketua Projek Technofund Kambing UPM-KPD, Profesor Dr. M. Zamri Saad, justeru, pada 2009, UPM bersama KPD menjalankan projek

penyelidikan pemiabkakaan, makanan dan kawalan penyakit ternakan kambing Boer secara sistematik dan moden.

“Kerjasama tersebut turut mendapat kerjasama Kerajaan Negeri Sabah menerusi KPD,” ujarnya ketika di temui di pusat di Pusat Pemiabkakaan Kambing Boer, Koperasi Pembangunan Desa (KPD), Kabang, Papar, Sabah baru-baru ini.

Menurut Dr. M. Zamri, projek pembangunan penyelidikan pengkomersialan tersebut turut dikenali sebagai Pembangunan Protokol Kesihatan Ternakan Yang Lestari Untuk Ladang Ternakan



DR. M. ZAMRI SAAD



**DR. MD. ZUKI
ABU BAKAR**



KAMBING dilepas bebas meragut bagi mewujudkan suasana yang lebih selesa kepada ternakan sekali gus mampu mengurangkan kos pemakanan.



DUA orang pelajar praktikal Fakulti Perubatan Veterinar mengumpulkan sampel darah untuk kajian dan pemantauan penyakit.

Info Pusat Pembiakbakaan Kabang, Papar.

Kategori	JANTINA (DEWASA)		ANAK			TAKAI RM25/KG
	BETINA (RM)	JANTAN (RM)	4 - 5 BULAN (RM)	6 - 8 BULAN (RM)	8 - 12 BULAN (RM)	
F1 (50%)	900 - 1,100	1,100 - 1,300	400 - 600	500 - 700	700 - 900	Mengikut berat ternakan.
F2 (75%)	1,100 - 1,300	1,300 - 1,500	500 - 700	600 - 800	800 - 1,000	Mengikut berat ternakan.
F3 (87.5%)	1,200 - 1,400	1,500 - 1,700	600 - 800	700 - 900	900 - 1,000	Mengikut berat ternakan.
F4 (93.8%)	1,300 - 1,600	1,900 - 2,100	700 - 900	800 - 1,000	1,100 - 1,300	Mengikut berat ternakan.
F5 Ke atas (96.8%)	1,700 - 1,900	2,900 - 3,100	800 - 1,000	900 - 1,000	1,300 - 1,500	Mengikut berat ternakan.
FB (Tulen) (96.8%)	2,900 - 3,100	3,200 - 3,400	900 - 1,000	1,100 - 1,300	1,500 - 1,700	Mengikut berat ternakan.

Kambing KPD, Sabah.

Projek yang diketuainya serta dua lagi pakar UPM iaitu Profesor Madya Dr. Azhar Kasim dari Fakulti Pertanian dan Profesor Dr. Md. Zuki Abu Bakar dari Fakulti Perubatan Veterinar (FPV) turut mendapat peruntukan geran Technofund, sebanyak RM3.17 juta.

Antara objektif projek tersebut adalah untuk menjadi ladang ternakan kambing Boer terbesar di negara ini dan menjadi pembekal utama baka kambing bermutu tinggi kepada penternak.

Seterusnya menjadi ladang

contoh dalam kaedah penternakan secara intensif yang moden dan mengamalkan Sistem Penternakan Yang Baik (GAHP)

dan menjadi pusat kajian dan Pembangunan (R&D) ternakan kambing dalam sistem pemakanan, program kesihatan dan program pembiakbakaan.

Menurut pengurus projek tersebut, Dr. Mohd. Shahrom Salisi, terdapat tiga buah ladang ternak di bawah seliaan beliau.

Antaranya ialah Ladang Ternakan Kambing Kelatuan dan Pusat Pembiakbakaan Kambing Boer Kabang, Papar



DR. MOHD. SHAHROM SALISI

serta Ladang Ternakan Kambing Bukau di Beaufort.

Jelas Dr. Mohd. Shahrom, penghasilan baka kambing Boer hanya tertumpu di Pusat Pembiakbakaan Kambing Boer Kabang, Papar. Manakala ladang lain adalah untuk kambing sembelihan.

“Sehingga 21 April lalu pusat pembiakbakaan memiliki baka pejantan sebanyak 72 ekor, keseluruhan induk 874 ekor, 60 ekor dewasa jantan, tiga dewasa betina (anak kelahiran peringkat awal), 114 anak jantan dan 58 anak betina yang mana berjumlah 1181 ekor,” katanya.

Ketika menjawab mengapa baka kambing Boer dipilih untuk ditenak, Dr. Mohd. Shahrom menjelaskan, kambing jenis itu tidak memerlukan kawasan yang luas (sistem separa-insentif) berbanding dengan lembu.

Malah, ia juga cepat membiak yang mana tempoh bunting hanya lima bulan dan kadar kelahiran sebanyak 1.5 ekor untuk setiap kelahiran (2-3 ekor) dan penggantian adalah lebih cepat berbanding lembu.

Selain itu, harga pasaran bagi kambing hidup juga lebih menguntungkan di samping kadar muatan kambing setiap ekar (*stocking density*) lebih tinggi berbanding lembu.

Selain itu, daging kambing mempunyai kandungan kolestrol yang rendah berbanding ternakan lain.

Baka kambing Boer yang dijadikan induk di pusat tersebut diimport terus dari penternak di Australia.

Baka berkenaan kemudiannya dikacukkan dengan baka tempatan bermula daripada varieti F1 hingga F5 dan ke atas sehingga kualiti dan fizikalnya menyerupai baka asal boer.

Untuk menghasilkan baka yang sama seperti kambing Boer seakan-akan yang asal (F5 dan ke atas) ia memerlukan masa yang agak panjang antara setahun setengah sehingga dua tahun.

Pusat tersebut juga turut melaksanakan pelbagai aktiviti seperti Program Pengawalan Penyakit, Program Pemakanan, Program Pembiakbakaan dan Program Pembuatan Baja Organik.

Dalam program pengawalan penyakit, kajian di pusat tersebut berjaya mengawal penyakit berkaitan metabolisma seperti batu karang, *pregnancy toxemia*, *bloat* atau *tympany*.

Terdapat juga jangkitan kuman dan bakteria yang menyerang kambing seperti *Melioidosis*, *Manheimiosis*, *CLA (caseous lymphadenitis)*, *Brucellosis* dan kecacingan (*hemonchosis*).

Harga pasaran bagi kambing hidup juga lebih menguntungkan di samping kadar muatan kambing setiap ekar (*stocking density*) lebih tinggi berbanding lembu dan terakhir, daging kambing mempunyai kandungan kolestrol yang rendah berbanding ternakan yang lain



SALAH satu papan tanda yang menunjukkan kawasan penternakan kambing baka boer di Kabang, Papar, Sabah yang di kelilingi kehijauan.

serta Ladang Ternakan Kambing Bukau di Beaufort.

Jelas Dr. Mohd. Shahrom, penghasilan baka kambing Boer hanya tertumpu di Pusat Pembiakbakaan Kambing Boer Kabang, Papar. Manakala ladang lain adalah untuk kambing sembelihan.

"Sehingga 21 April lalu pusat pembiakbakaan memiliki baka pejantan sebanyak 72 ekor, keseluruhan induk 874 ekor, 60 ekor dewasa jantan, tiga dewasa betina (anak kelahiran peringkat awal), 114 anak jantan dan 58 anak betina yang mana berjumlah 1181 ekor," katanya.

Ketika menjawab mengapa baka kambing Boer dipilih untuk diternak, Dr. Mohd. Shahrom menjelaskan, kambing jenis itu tidak memerlukan kawasan yang luas (sistem separa-insentif) berbanding dengan lembu.

Malah, ia juga cepat membiak yang mana tempoh bunting hanya lima bulan dan kadar kelahiran sebanyak 1.5 ekor untuk setiap kelahiran (2-3 ekor) dan penggandaan adalah lebih cepat berbanding lembu.

Selain itu, harga pasaran bagi kambing hidup juga lebih menguntungkan di samping kadar muatan kambing setiap ekar (*stocking density*) lebih tinggi berbanding lembu.

Selain itu, daging kambing mempunyai kandungan kolestrol yang rendah berbanding ternakan lain.

Baka kambing Boer yang dijadikan induk di pusat tersebut diimport terus dari penternak di Australia.

Baka berkenaan kemudiannya dikacukkan dengan baka tempatan bermula daripada varieti F1 hingga F5 dan ke atas sehingga kualiti dan fizikalnya menyerupai baka asal boer.

Untuk menghasilkan baka yang sama seperti kambing Boer seakan-akan yang asal (F5 dan ke atas) ia memerlukan masa yang agak panjang antara setahun setengah sehingga dua tahun.

Pusat tersebut juga turut melaksanakan pelbagai aktiviti seperti Program Pengawasan Penyakit, Program Pemakanan, Program Pembiakbakaan dan Program Pembuatan Baja Organik.

Dalam program pengawalan penyakit, kajian di pusat tersebut berjaya mengawal penyakit berkaitan metabolisma seperti batu karang, *pregnancy toxemia*, *bloat* atau *tympany*.

Terdapat juga jangkitan kuman dan bakteria yang menyerang kambing seperti *Melioidosis*, *Manheimiosis*, *CLA* (*caseous lymphadenitis*), *Brucellosis* dan kecacingan (*hemonchosis*).

“Harga pasaran bagi kambing hidup juga lebih menguntungkan di samping kadar muatan kambing setiap ekar (*stocking density*) lebih tinggi berbanding lembu dan terakhir, daging kambing mempunyai kandungan kolestrol yang rendah berbanding ternakan yang lain

Baja tinja kambing

BAGI mengurangkan kos operasi penternakan, setiap bahan yang boleh di kitar semula mahupun dijadikan sumber pendapatan perlu diambil kira.

Ia termasuklah tinja (najis) kambing yang boleh diproses untuk dijadikan baja organik.

Menurut Profesor Madya Dr. Azhar Kasim, tinja kambing yang telah dikumpulkan dari kandang akan di giling terlebih hingga sebatii.

Kemudian ia akan di campurkan dengan larutan Bio-triba (*Bacillus pantotkenticus*, *Trichoderma lactae*, dan *Pseudomonas fluorescens* serta *penicillium*) dan digaul dengan sebatii.

"Baja tinja kambing ini akan dibungkus dan diperam selama 14 hari dalam kawasan yang gelap dan kering sebelum dijual," katanya.

Setelah digaul, tinja akan terus dimasukkan ke dalam beg plastik dan akan diurai serta diproses di dalam beg tersebut.

Jelas Azhar, tinja yang diperam pada peringkat awal akan mengeluarkan haba berikutan tindak balas bahan organik bersama larutan Bio-triba dan akan menyejuk secara perlahan-lahan.

Dalam proses penyejukan tersebut, tinja kambing bersama bahan organik di dalamnya juga akan diurai menjadi baja organik.

Sehingga kini baja tinja kambing tersebut dijual pada kadar harga RM1.87 sekilogram dan kebanyakannya digunakan oleh penanam sayur-sayuran sekitar Papar, Sabah.



TINJA atau najis kambing diproses untuk dijadikan baja organik.



PEKERJA memproses rumput napier untuk dijadikan makanan kambing Boer di Pusat Pembiakbakaan Kambing Boer Kabang, Papar, Sabah.



PEMAKANAN yang seimbang dan lengkap penting bagi menjamin kejayaan penternakan kambing Boer.

DALAM mana-aman industri ternakan, sistem pemakanan antara faktor yang menentukan kejayaan projek. Menurut pakar pemakanan haiwan, Profesor Madya Dr. Azhar Kassim, penternakan kambing sukar untuk berjaya sekiranya sistem pemakanan tidak diteliti dan dijaga dengan rapi.

Oleh itu, Pusat Pembiakbakaan Kambing Boer Kabang, Papar, Sabah turut menjalankan kajian bagi mewujudkan satu sistem pemakanan lengkap bagi memenuhi keperluan harian ternakan.

Ujarnya, program atau sistem tersebut merangkumi pemberian *fodder* (rumput potong angkut) dan pemberian makanan tambahan seperti pelet kambing dan *palm kernel expeller* (PKE) secara teratur.

“Pembangunan dan penyelenggaraan ladang pastura (rumput napier) yang mampan dan teratur juga perlu bagi memastikan ternakan mencapai tahap kesihatan yang optimum dan mencapai tahap *body score* yang diperlukan,” katanya.

Sementara itu, menurut pakar pembiakbakaan, Profesor Dr. Md. Zuki Abu Bakar, menerusi program pembiakbakaan yang diwujudkan, proses penggandaan ternakan menjadi lebih sistematik, cekap dan berkesan dapat dicapai di ladang tersebut.

“Pemilihan ternakan yang memiliki spesifikasi kambing Boer yang berkualiti, sihat dan memiliki trait atau jenis genetik yang baik sentiasa diutamakan.

“Oleh itu, tahap libido baka pejantan akan sentiasa diperiksa. Manakala bagi induk betina diperiksa tahap kesuburannya,” katanya.

Di pusat tersebut, nisbah pejantan kepada induk betina di tentukan sebanyak 1:20 ekor bagi membantu mendapatkan kadar kebuntingan melebihi 80 peratus dan kadar kelahiran dari 1.5 hingga dua ekor bagi setiap induk dan berat anak yang lahir sekitar tiga kilogram (kg) dan ke atas.

Proses pembiakan yang diamalkan di pusat tersebut adalah melalui kaedah semulajadi iaitu *line breeding* dan *line crossing*. Manakala pemilihan trait genetik yang unggul dibuat mengikut jadual iaitu dua kali setahun.

Bagi memantau kadar kebuntingan induk betina, pusat tersebut turut menggunakan alat pengesan seperti mesin ultrasound untuk menentukan kebuntingan dengan lebih cepat dan tepat.

Ternakan yang gagal menunjukkan tahap reproduktiviti yang baik akan mudah dikesan dan disingkirkan pada peringkat awal bagi

Masalah ternak kambing

Sistem pemakanan tentukan kejayaan ternakan



TINJA kambing dicampur bersama bakteria khas untuk dijadikan baja.

mengurangkan kos operasi seperti makanan dan penyelenggaraan.

Ia juga menerima sokongan Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan Perusahaan Ternak Negeri Sabah (JPHPT SABAH) bagi memantau penyakit dan diagnosis.

Pusat Pembiakbakaan Kambing Boer Kabang dibuka kepada para penternak untuk mendapatkan khidmat nasihat serta kursus ternakan kambing baka boer.

Biarpun kelihatan agak mudah untuk memelihara kambing untuk tujuan pembiakbakaan, sebenarnya ia industri yang memerlukan kos yang tinggi.

Bagi individu yang berminat untuk memelihara kambing baka boer adalah dinasihatkan agar melaksanakan ternakan untuk tujuan sembelihan berikutan kos operasinya yang lebih rendah berbanding

ternakan untuk tujuan biak baka.

Hal demikian kerana harga bagi induk ternakan biak baka boleh mencecah ribuan malah belasan ringgit, dan ia akan menjadi masalah besar kepada penternak untuk membuat pembiakbakaan kerana keadaan kewangan yang tidak mencukupi untuk pusingan modal seterusnya.

Justeru, kini adalah disyorkan agar penternak membeli baka Boer dan dikacukkan bersama baka tempatan untuk memberi tumpuan kepada penghasilan kambing bagi tujuan penjualan daging terlebih dahulu kerana ia lebih cepat pulang modal.

Untuk penternak kambing biak baka adalah mencukupi satu atau dua ladang sahaja jika terlalu banyak pasaran kambing biak baka akan tepu dan akhirnya ladang terpaksa ditutup berikutan tiada pembeli dan akhirnya kerugian.

DR. Azhar Kassim menunjukkan rumput napier yang ditanam untuk makanan kambing.



Kemudahan di PPKBK, Papar, Sabah

- Kepakaran tenaga kerja.
- Makmal mini bagi membantu diagnosis penyakit dan penyelidikan.
- Bilik serbaguna untuk kegunaan mesyuarat, pengendalian kursus asas ternakan kambing.
- Asrama bagi memudahkan penginapan pelatih, penyelidik dan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).
- Pusat tersebut mampu mengeluarkan baka kambing Boer antara 500 hingga 800 setahun.
- Dipasarkan sekitar Sabah, Sarawak, Brunei dan juga Semenanjung Malaysia.

Bagi seekor kambing biak baka boer, ia di jual sekitar harga RM800 hingga RM1000 seekor bergantung kepada kualiti dan keadaan baka.

